

ORIGINAL ARTICLE



**MJSSH**  
Muallim Journal of  
Social Science and Humanities

**MENINGKATKAN PRESTASI DAN PENGETAHUAN MURID DALAM PENULISAN KARANGAN MELALUI PENGGUNAAN PETA CERITA**

**IMPROVING STUDENTS' PERFORMANCE AND KNOWLEDGE IN ESSAY WRITING THROUGH THE USE OF STORY MAPS**

**Nooraqilah Daud<sup>\*1</sup>, Sri Kartika A. Rahman<sup>2</sup>, Abu Bakar Madin<sup>3</sup>, Noradinah Jaidi<sup>4</sup>**

<sup>1</sup> Sultan Hassanal Bolkia Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam. Brunei.  
Email: [nooraqilah.daud@teacher.srputat.edu.moe.bn](mailto:nooraqilah.daud@teacher.srputat.edu.moe.bn)

<sup>2</sup> Sultan Hassanal Bolkia Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam. Brunei.  
Email: [kartika.rahman@ubd.edu.bn](mailto:kartika.rahman@ubd.edu.bn)

<sup>3</sup> Sultan Hassanal Bolkia Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam. Brunei.  
Email: [bakar.madin@ubd.edu.bn](mailto:bakar.madin@ubd.edu.bn)

<sup>4</sup> Sultan Hassanal Bolkia Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam. Brunei.  
Email: [noradinah.jaidi@ubd.edu.bn](mailto:noradinah.jaidi@ubd.edu.bn)

\*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/318>

**Abstract**

Various methods and techniques are used to improve students' performance in essay writing at primary schools in Brunei Darussalam. This study aims to identify the extent to which Story Map technique improves students' performance and knowledge in writing a pictorial composition. Year 3 students from one of the government schools in Brunei and Muara District, Brunei Darussalam are involved in this action research study. The findings of the study were analyzed descriptively by using the mean results in the pre-test and post-test. In addition, the findings were also analyzed using content analysis. The results of the study show that this technique is able to improve student achievement and help students write well, but this technique is not suitable to be used to help students overcome the problem of building grammatical sentences and overcoming spelling problems.

**Keywords:** Action research, Story map technique, Composition

### Abstrak

Pelbagai kaedah dan teknik digunakan untuk meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan di sekolah rendah di Negara Brunei Darussalam. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauhmana penggunaan teknik Peta Cerita meningkatkan prestasi dan pengetahuan murid dalam penulisan karangan bergambar. Murid Tahun 3 dari salah sebuah sekolah rendah kerajaan di Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam terlibat dalam kajian tindakan ini. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan keputusan min dalam praujian dan pascaujian. Selain itu, hasil karangan murid juga dianalisis menggunakan analisis kandungan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa teknik ini mampu meningkatkan pencapaian murid dan membantu murid menulis dengan baik tetapi teknik ini tidak sesuai digunakan untuk membantu murid mengatasi masalah membina ayat gramatis dan mengatasi masalah ejaan.

Kata Kunci: Kajian tindakan, Teknik Peta Cerita, Karangan

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 10<sup>th</sup> September 2024, revised 27<sup>th</sup> November 2024, accepted 5<sup>th</sup> January 2025

### Pengenalan

*Matlamat Pembangunan Mampan Brunei Darussalam* atau lebih dikenali sebagai *Sustainable Development Goals (SDG)* bagi Negara Brunei Darussalam adalah berlandaskan kepada wawasan kebangsaan iaitu Wawasan Brunei 2035 yang menggariskan aspirasi negara untuk mencapai masyarakat yang terpelajar, berkemahiran dan berprestasi serta kualiti hidup yang tinggi dengan ekonomi yang dinamik dan mampan menjelang 2035 (Jabatan Perdana Menteri, 2023). Oleh kerana itu, generasi muda, khususnya kanak-kanak pada masa kini merupakan generasi yang akan diharapkan untuk menguasai dan memperoleh pendidikan, kemahiran dan prestasi yang gemilang pada tahun 2035. Kualiti pendidikan merupakan matlamat ke-4 dalam SDG Brunei. Fokus utamanya adalah memastikan para pelajar di Negara Brunei menguasai kemahiran dan pengetahuan agar berjaya dalam Abad ke-21 dan selaras dengan nilai-nilai kebangsaan Melayu Islam Beraja. Matlamat ke-4 ini telah menunjukkan kemajuan yang baik dengan peningkatan kualiti guru, penyediaan akses pendidikan dan infrastruktur (Jabatan Perdana Menteri, 2023, hlm. 18). Walau bagaimanapun, mengekalkan usaha untuk meningkatkan kualiti dan standard pendidikan merupakan satu cabaran. Oleh itu, usaha berterusan dari pelbagai pihak termasuk ibu bapa adalah diharapkan untuk mengekalkan dan meningkat kualiti pendidikan di Brunei.

Menurut Jabatan Perdana Menteri (2023, hlm. 37), Pihak Piawaian Literasi dan Numerasi Kebangsaan Brunei sedang giat menyediakan program sokongan untuk memastikan penguasaan kemahiran literasi dan numerasi pelajar yang tinggi dengan menyediakan ekosistem sokongan yang responsif dalam menangani keperluan literasi dan numerasi pelajar yang pelbagai. Maka para pendidik perlu pengetahuan dan pendedahan terkini dalam menangani keperluan pembelajaran literasi dan numerasi pelajar dan seterusnya segera bertindak untuk mengatasi masalah tersebut dengan pengajaran dan pembelajaran terancang dan efektif bagi memastikan mereka mendapat pendidikan dan kemahiran yang berkualiti.

## Latar Belakang Kajian

Tahun 3 di peringkat sekolah rendah merupakan tahun penting dalam perkembangan literasi kanak-kanak. Di peringkat ini, kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam mula belajar untuk menghasilkan penulisan karangan Bahasa Melayu pelbagai genre yang mudah dan menarik di peringkat asas secara berpandu. Dengan panduan guru, murid tahun 3 juga mula mengenal erti mendapatkan, menyatukan dan melengkapkan isi sebuah karangan (Jabatan Perkembangan Kurikulum, 2009). Kemahiran menulis karangan di peringkat awal merupakan kemahiran yang perlu dibimbing secara bertahap dan berterusan bagi membina sebuah karangan yang baik (Peng & Jinah, 2020). Malah, murid-murid juga perlu dibantu dalam menulis karangan secara berperingkat dari segi kata, frasa dan menyusun ayat sehinggalah mampu membina sebuah karangan yang mempunyai struktur pendahuluan, isi dan penutup. Dengan bimbingan dan perancangan pengajaran guru yang komprehensif akan membantu meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan.

Pada kebiasaannya murid-murid di Tahun 3, yang merupakan murid berumur dalam lingkungan 8-9 tahun, mempunyai jumlah kosa kata yang agak terbatas dan ini menyukarkan mereka memilih perkataan dan membina ayat yang sesuai dalam penulisan karangan. Malah berdasarkan kajian Salbrina & Noor Hasharina (2021) mendapati kanak-kanak di peringkat sekolah rendah di Brunei lebih cenderung dan mahir membaca dan menulis dalam bahasa Inggeris daripada bahasa Melayu. Perkara ini menyukarkan lagi perkembangan kosa kata kanak-kanak di negara ini. Dengan keterbatasan jumlah kosa kata yang dikuasai oleh murid, menjadikan murid kurang mahir dalam memilih kata dan membina ayat yang sesuai digunakan di dalam penulisan karangan (Yusfaiza & Mohd. Ishah, 2012).

Perkara yang lebih membimbangkan lagi, apabila karangan yang ditulis oleh murid hanya ditulis dalam beberapa patah perkataan sahaja atau penulisan ayat yang sukar difahami tanpa menghuraikan dan tidak mengembangkannya untuk menjadi sebuah karangan yang berkualiti. Jika masalah ini tidak ditangani maka penulisan murid tidak akan berkembang. Justeru, murid seharusnya diajar proses penulisan karangan yang betul bermula dengan mengenal pasti idea utama berkaitan dengan tajuk karangan, kemudian murid hendaklah merangka karangan dan setelah itu menulis dan memberikan penghuraian setiap idea serta memberikan contoh bagi menyokong setiap kenyataan yang diberikan (Yusfaiza & Mohd. Ishah, 2012). Malah berdasarkan daripada pengalaman pengkaji sendiri sepanjang mengajar di peringkat sekolah rendah bawah, murid-murid di peringkat ini sering menghadapi masalah dalam menulis karangan khususnya mendapatkan idea dan membina ayat yang sesuai dengan tajuk karangan. Murid-murid di peringkat rendah bawah sememangnya masih memerlukan panduan dan bimbingan berterusan.

Oleh yang demikian, guru memainkan peranan penting dalam membantu mengatasi masalah dan kelemahan kemahiran menulis karangan. Para pengkaji seperti Yusfaiza dan Ishah (2012) dan Sri Kartika et. al (2014) menyarankan agar guru mengimplementasikan teknik yang sesuai dengan murid untuk mewujudkan pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan yang efektif. Jika murid didedahkan dengan teknik yang betul dalam penulisan karangan, maka kelemahan yang dihadapi oleh murid akan dapat diatasi dengan baik.

Lantaran itu, kajian ini menggunakan pendekatan kajian tindakan dengan mengintegrasikan teknik peta cerita (*Story Map*) dalam pengajaran karangan bergambar bagi membantu menambah baik pencapaian murid dalam penulisan karangan. Peta cerita merupakan

teknik pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan penyusunan dan penstrukturan secara visual unsur-unsur utama teks atau cerita untuk membantu murid-murid mendapatkan idea dan membina ayat yang sesuai dengan tajuk karangan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauhmana teknik peta cerita meningkatkan prestasi dan pengetahuan murid Tahun 3 dalam penulisan karangan bergambar. Kajian ini memberikan sumbangan penting dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah dengan menyatakan keberkesanan penggunaan peta cerita sebagai alat bantu mengajar untuk meningkatkan pencapaian murid dalam penulisan karangan.

### **Kerangka Teori Kajian**


Peta cerita merupakan sebahagian daripada alat pengurusan grafik yang membantu murid memahami dan menganalisis cerita dengan mewakili secara visual hubungan antara komponen yang berbeza seperti watak, tetapan, peristiwa dan tema. Dengan mencipta perwakilan visual komponen cerita, murid akan memahami aliran cerita, mengenal pasti titik plot utama dan meningkatkan pemahaman mereka tentang keseluruhan cerita.

Kajian ini adalah berdasarkan teori konstruktivisme. Konstruktivisme menekankan pembelajaran yang membina pemahaman secara aktif melalui pengalaman dan interaksi. Vygotsky (1978) menekankan peranan interaksi sosial dalam membentuk pemikiran dan mengukuhkan pengetahuan Zon Perkembangan Proksimal atau Zone of Proximal Development (ZPD). ZPD adalah jurang antara perkara yang boleh murid belajar tanpa bantuan dan perkara yang boleh murid belajar dengan bantuan oleh guru atau rakan yang lebih kompeten. Tugas yang berada dalam zon (ZPD) yang tepat adalah tugas yang cukup mencabar tetapi boleh dilaksanakan oleh murid dengan bantuan sama ada bantuan daripada guru, rakan, arahan atau panduan yang disediakan bagi menyelesaikan tugas. Tugas yang di luar zon ZPD adalah tugas terlalu mudah dan tidak mencabar murid membuatkan murid bosan atau tugas terlalu susah yang membuatkan murid putus asa dan kecewa, dan ini menyukarkan murid untuk menerima isi pembelajaran.

Berlandaskan teori Vygotsky ini, peta cerita yang digunakan untuk pengajaran karangan dalam kajian ini merupakan bantuan atau panduan murid untuk menulis karangan bergambar. Dengan itu, teori ini memberi manfaat seperti berikut:

## Rajah 1

Manfaat dan konteks pengajaran dan pembelajaran menggunakan bantuan peta cerita sebagai panduan berlandaskan teori Vygotsky



### Teknik Peta Cerita

Peta cerita dikenali juga sebagai *Story Mapping* merupakan salah satu teknik yang berbentuk pengurusan grafik yang membantu murid mengenal pasti komponen utama cerita (Melissa & Elih, 2022). Menurut Jameel (2022), peta cerita merupakan alat pendidikan yang membantu murid menyusun idea mereka semasa menulis karangan. Sabri (2013) menghuraikan bahawa peta cerita merupakan satu alat yang memperlihatkan kaitan antara idea, kekuatan imaginasi dan fakta penting yang berlaku dalam cerita. Ini kerana dengan menggunakan peta cerita murid akan dapat merangka karangan dengan mengenal pasti elemen-elemen penting tentang watak, peristiwa dan latar cerita yang ingin disampaikan (Zikri, Taufina & Marlina, 2020).

Pada peringkat awal penulisan karangan, peta cerita membantu murid untuk berfikir secara aktif tentang perkara yang ingin disampaikan dengan mengisi setiap ruang kotak yang telah disediakan bermula dengan mengenal pasti watak utama, tempat dan masa. Kemudian, diikuti dengan peristiwa-peristiwa yang berlaku seperti kejadian, masalah dan jalan penyelesaian yang perlu dilakukan. Pada carta yang terakhir murid akan membuat kesimpulan ataupun pengajaran yang dapat diambil daripada keseluruhan cerita. Justeru, menurut Ibnian (2010) dengan menggunakan lembaran peta cerita murid akan dapat mengenal pasti watak utama cerita dan mengkategorikan peristiwa utama mengikut urutan yang betul. Ini bermakna, peta cerita merupakan kerangka asas yang dapat membantu murid memahami jalan cerita dengan baik. Malah, pendedahan murid kepada elemen-elemen naratif seperti watak, latar cerita, peristiwa, masalah dan peleraian masalah dalam menulis sesebuah karangan adalah amalan penting dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan bagi menghasilkan sebuah karangan naratif yang tepat dengan konteks penceritaan. Konteks yang tepat akan membantu murid menggunakan pengalaman mereka yang akan menyumbang dan membangunkan isi kandungan cerita yang lebih baik (Rahman & Ekkayokkaya, 2024).

Korkmez (2011) menyarankan perlunya menggunakan soalan untuk merangka peta cerita. Soalan-soalan ini bertujuan sebagai panduan murid dalam membina ayat bagi setiap carta di dalam Peta Cerita seperti watak, tempat dan masa, peristiwa serta dapat mencetuskan idea yang berkaitan di dalam carta Peta Cerita. Soalan-soalan yang diberikan perlulah ringkas dan mudah difahami oleh murid sebagai panduan mereka dalam membina cerita karangan bergambar.


Berdasarkan keterangan di atas, pengkaji menggunakan teknik peta cerita seperti rajah 2 di bawah ini. Teknik ini merangka karangan secara teratur dan mempunyai pertalian dari bermulanya penulisan perenggan pertama pendahuluan, isi dan penutup. Semasa proses penulisan carta peta cerita dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan, aktiviti perbincangan soalan akan dilakukan untuk menarik minat murid dan mendapatkan idea daripada setiap gambar bersiri.

Setakat ini, hanya satu kajian sahaja yang dilaksanakan di Negara Brunei yang berkaitan dengan teknik peta cerita iaitu kajian Zuraifah (2014) bertajuk “Advanced Story Map Instruction dalam meningkatkan pencapaian Bacaan dan Fahaman pelajar”. Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan teknik peta cerita dalam kefahaman teks naratif bagi murid tahun 10. Hasil daripada kajian ini, menunjukkan adanya peningkatan pencapaian murid dari segi bacaan dan kefahaman murid apabila diterapkan teknik peta cerita. Malah, murid lebih yakin menjawab soalan fahaman dengan menggunakan peta cerita. Walau bagaimanapun, belum ada kajian di Negara Brunei menggunakan teknik ini untuk pengajaran penulisan karangan bergambar sama ada di peringkat sekolah rendah atau menengah.

Salah satu kajian dari negara Indonesia iaitu kajian Zikri, Taufina dan Marlina (2020) menunjukkan bahawa teknik ini merupakan teknik yang dapat membantu murid menggabungkan idea-idea penting, pendapat dan fakta yang berlaku dalam cerita berdasarkan gambar yang diberikan. Hasil dapatan kajian mereka menunjukkan praujian kajian penulisan murid masih pada tahap yang rendah (min = 0.82). Namun, menunjukkan peningkatan keputusan pada pascaujian kajian penulisan karangan murid (min = 1.58). Menurut mereka, dengan menggunakan peta cerita, murid dengan mudah dapat menentukan tajuk karangan, watak utama, pengenalan dan bahagian isi karangan sebagaimana yang telah diajarkan di dalam kelas.

## Rajah 2

Carta peta cerita yang digunakan dalam kajian ini



Begitu juga dengan kajian Jameel (2022) dalam artikelnya “The Effects of Story Mapping and Hortatory Exposition Techniques on Students’ Compositions” yang menyatakan bahawa teknik peta cerita merupakan alat pendidikan yang dapat membantu murid menyusun idea semasa mereka menulis cerita. Dalam kajian tersebut, kebanyakan murid menghadapi kesukaran dalam menjana idea diikuti dengan tahap tatabahasa yang lemah dan ini membawa kepada penulisan karangan yang tidak berkualiti. Hasil dapatan menunjukkan bahawa dengan menggunakan peta cerita dapat membantu murid menyusun idea, menjana kosa kata, menyambung ayat, mengelakkan kesalahan ejaan dan sistem bahasa. Tambah lagi, murid dapat menyampaikan peristiwa dan menyusun jalan cerita dengan lancar, berkoherensi dan koheren. Malah terdapat kesan positif yang ketara daripada penggunaan teknik Peta Cerita dalam pengajaran penulisan karangan.

## Metodologi Kajian


### Reka Bentuk Kajian

Kajian tindakan telah dikenal pasti sebagai satu pendekatan kajian yang berkesan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan guru dalam pengajaran dan pembelajaran murid. Kajian tindakan dapat mewujudkan rangka kerja pengetahuan baharu yang akan memberi manfaat kepada masyarakat. Dalam kajian ini, pengkaji mendapatkan markah daripada praujian dan pascapujian. Manakala, pengkaji membuat analisis kandungan bagi meneliti isi karangan murid bagi mengetahui sejauh mana teknik ini mampu membantu meningkatkan pencapaian penulisan karangan murid.

Model kajian tindakan dalam kajian ini diambil daripada model Kemmis dan McTaggart (1988) (rajab 3). Model ini dibahagikan kepada empat elemen penting untuk membantu mereka bentuk kajian. Setiap kitaran melibatkan empat peringkat iaitu rancang, tindakan, pemerhatian dan refleksi.

### Rajah 3

*Model Kemmis dan McTaggart (1988, hlm. 11-14)*



Kajian ini telah dijalankan dalam masa tujuh minggu dan mengambil masa selama satu jam bagi setiap pengajaran. Kajian ini dilaksanakan seperti yang dicadangkan oleh Model Kemmis dan McTaggart (1988). Sebelum intervensi dilakukan, peserta kajian menjalani praujian yang berformatkan karangan bergambar. Pada fasa ini, pengkaji dapat mengenal pasti kelemahan peserta kajian dalam penulisan karangan bergambar. Setelah masalah ini dikenal pasti, pengkaji memulakan proses intervensi gelungan pertama dengan menggunakan teknik peta cerita. Pengkaji terlebih dahulu memperkenalkan dan melakukan demonstrasi cara penggunaan teknik peta cerita dalam menulis karangan bergambar. Pada gelungan ke dua dan ketiga pula, pengkaji memberikan karangan bergambar yang berlainan dan memberi peluang kepada peserta kajian itu sendiri untuk menggunakan teknik peta cerita dalam penulisan mereka. Ini bertujuan untuk menggalakkan murid menggunakan teknik tersebut. Selain daripada itu, melatih murid agar mereka lebih memahami cara penggunaan teknik tersebut. Setelah selesai intervensi, peserta kajian menjalani pascaujian yang berformatkan sama seperti praujian tanpa bantuan peta cerita.

### Peserta kajian

Peserta kajian dalam kajian ini terdiri daripada murid-murid tahun 3 di salah sebuah sekolah kerajaan di Daerah Brunei Muara. Borang persetujuan ibu bapa untuk membenarkan anak-anak mereka teribat dalam kajian ini telah diedarkan terlebih dahulu sebelum kajian dijalankan. Seramai 13 orang murid Tahun 3 terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 7 orang murid lelaki dan 6 orang murid perempuan dari pelbagai tahap kemampuan. Semua murid-murid dalam kajian terlibat sepanjang kajian ini dijalankan iaitu bermula dari praujian, intervensi hinggalah pasca ujian.



## **Instrumen dan Analisis Kajian**

Dalam kajian ini, kertas ujian karangan bergambar bersiri digunakan untuk mengumpul markah daripada praujian dan pascaujian. Set ujian ini terlebih dahulu disemak oleh penyelia dan mentor bagi tujuan kesahan dan kebolehpercayaan sebelum set ujian diedarkan. Pada sesi praujian, murid belum lagi didedahkan dengan teknik Peta Cerita. Ujian ini diberikan untuk menilai sama ada murid dapat membina karangan berdasarkan gambar bersiri dengan baik tanpa menggunakan teknik penulisan karangan. Pada sesi praujian juga, soalan gambar bersiri yang diberikan disertakan dengan rangkaian kata untuk memudahkan murid membina karangan bergambar. Manakala pada sesi pascaujian, murid juga diberikan ujian karangan gambar bersiri yang sama. Walau bagaimanapun, setiap gambar pada pascaujian ini tidak disertakan dengan rangkaian kata. Markah ujian ini dianalisis secara deskriptif. Selain markah, kertas praujian dan pascaujian beberapa orang murid juga akan dianalisis isi kandungannya. Analisis kandungan hasil karangan murid hanya dilakukan ke atas enam orang murid iaitu dua orang dari murid tahap tinggi, dua orang murid tahap sederhana dan dua orang murid tahap rendah.

## **Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian**

Dalam kajian ini, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian terlebih dahulu dibincangkan dan disemak oleh penyelia dan mentor pengkaji. Mentor dalam kajian ini ialah seorang guru bahasa Melayu yang berpengalaman yang dipilih dan dilantik oleh pihak atasan sekolah. Manakala, sekolah telah dipilih oleh pihak Kementerian Pendidikan sendiri. Mentor bertindak sebagai pembimbing dalam memantau dan mendidik pengkaji sebagai guru novis untuk menjadi seorang guru Bahasa Melayu yang berkualiti. Antara instrumen yang disemak oleh penyelia dan mentor termasuk set soalan ujian, gambar-gambar bersiri untuk intervensi kajian dan kriteria pemarkahan. Selain itu, setelah pengkaji membuat penilaian dan pemarkahan karangan murid, mentor juga menyemak kembali hasil penilaian tersebut. Etika kajian ini juga dikawal selia oleh penyelia dengan memohon kebenaran melaksanakan kajian daripada pihak Kementerian Pendidikan, menyediakan dan memberikan lembaran maklumat kajian kepada ibu bapa peserta kajian berserta borang persetujuan untuk ibu bapa peserta kajian. Setelah mendapatkan kebenaran membuat kajian dan mendapatkan kembali borang persetujuan yang telah ditandatangani oleh ibu bapa, barulah pengkaji melaksanakan dan mengumpul data kajian.


## **Dapatan Dan Perbincangan Kajian**

### **Prestasi dan Pengetahuan Murid Terhadap Penggunaan Teknik Peta Cerita**

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat jika terdapat peningkatan pencapaian markah murid setelah menggunakan teknik Peta Cerita. Praujian dan pascaujian telah dijalankan untuk membandingkan markah murid dalam menulis karangan bergambar.

Rajah 4

Perbandingan markah murid dalam praujian dan markah pasca ujian



Berdasarkan daripada Rajah 4 di atas, keseluruhan pencapaian pascaujian memperlihatkan bahawa kesemua 13 (100%) orang murid telah menunjukkan peningkatan dengan mencapai markah yang lebih baik berbanding dengan markah praujian yang telah dijalankan. Dapatan kajian daripada data praujian menunjukkan seramai 6 daripada 13 (46.15%) orang murid gagal pada ujian tersebut di mana markah paling rendah yang diperolehi adalah sebanyak 5 markah. Ini menunjukkan hampir separuh daripada peserta kajian menghadapi kesukaran dalam penulisan karangan bergambar. Manakala, dapatan daripada data praujian tersebut juga menunjukkan bahawa 5 daripada 13 (38.46%) orang murid lulus dengan memperoleh 10 ke 11 markah dan seramai 2 daripada 13 (15.38%) orang murid memperoleh markah yang paling tinggi iaitu 12 ke 13 markah pada praujian yang telah dijalankan. Berbanding pada pascaujian, peningkatan yang ketara dapat dilihat daripada kesemua peserta kajian iaitu terdapat peningkatan sebanyak 40% ke 50% bagi murid-murid yang gagal (M1, M2, M3, M4, M5, M6) semasa praujian dijalankan. Manakala, peningkatan sebanyak 30% ke 40% bagi murid-murid (M7, M8, M9, M10, M11, M12) dalam mencapai markah yang lebih baik daripada praujian setelah didedahkan dengan teknik Peta Cerita dalam penulisan karangan bergambar. Ini jelas menunjukkan bahawa kesemua murid telah meningkat dalam pascaujian dan seterusnya menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam penulisan karangan bergambar.

Jadual 1

Statistik deskriptif keputusan praujian dan pascaujian murid lulus dan gagal

	Murid	Lulus (Markah melebihi 50%)	Gagal (Markah di bawah 50%)
<b>Prauajian</b>		53.8%	46%
<b>Pascaujian</b>	13	100%	0%

Di samping itu, seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1 di atas, secara keseluruhannya peratusan murid lulus daripada praujian ke pascaujian telah meningkat secara positif daripada 53.8% kepada 100%. Manakala peratusan murid gagal pula menurun secara drastik daripada 46% kepada 0%. Keputusan ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan murid Tahun 3 dalam penulisan karangan bergambar selepas intervensi dilakukan menggunakan teknik Peta Cerita. Perkara ini bertepatan dengan dapatan kajian daripada Jameel (2022) yang mendapati murid yang

belajar menggunakan teknik Peta Cerita dalam penulisan karangan berjaya mencapai markah yang lebih tinggi.


Selain markah, pengkaji juga telah menggunakan analisis kandungan untuk mengumpul maklumat mengenai perkembangan karangan murid semasa praujian dan pascaujian. Antara kriteria yang dianalisis dalam karangan ini ialah mempunyai ciri-ciri perenggan pendahuluan, isi dan penutup, menyatakan watak, dan, tempat atau/dan masa, perkara yang dilakukan oleh watak, perkara yang terjadi dan perasaan watak, dan juga menyatakan perkara yang dilakukan watak atau keputusan dan pengajaran dari cerita tersebut. Kriteria-kriteria ini adalah berdasarkan rajah peta cerita (rajah 2). Selain itu juga, pengkaji juga akan mengenal pasti kejelasan ayat dengan gambar, dan ketepatan tatabahasa dan ejaan serta jumlah keseluruhan ayat, perenggan dan jumlah patah perkataan.

Bagi menganalisis kandungan karangan, enam orang murid telah dikenal pasti dan dipilih sebagai peserta kajian iaitu dua orang murid berkemahiran rendah, dua orang murid berkemahiran sederhana dan dua orang murid berkemahiran tinggi. Pemilihan ini berdasarkan daripada markah yang diperolehi semasa sesi praujian kajian dijalankan serta beberapa informasi mengenai latar belakang murid dan pencapaian murid di dalam kelas yang telah diberikan oleh guru Bahasa Melayu kelas Tahun 3 tersebut. Analisis kandungan daripada enam orang murid yang mempunyai tahap kebolehan yang berbeza ini juga adalah untuk mengumpul maklumat sama ada teknik Peta Cerita ini sangat sesuai digunakan bagi kesemua murid tidak kira murid yang berkemahiran rendah, murid berkemahiran sederhana mahupun murid berkemahiran tinggi.

Secara umumnya, dalam praujian, antara masalah murid yang didapati ialah banyak yang tidak dapat membina ayat untuk karangan bergambar dengan baik. Mereka sekadar membina ayat berdasarkan perkataan yang disediakan dengan gambar sahaja. Selain itu, mereka juga sukar dan tidak dapat membina karangan secara berstruktur seperti pendahuluan, isi dan penutup sedangkan mereka sudah didedahkan perkara ini bersama guru-guru Bahasa Melayu sebelum ini. Antara contoh hasil penulisan karangan praujian dan pascaujian murid-murid terpilih adalah seperti jadual 2 di bawah ini. Setelah intervensi menggunakan peta cerita untuk karangan bergambar, masalah-masalah seperti membina ayat berdasarkan perkataan yang disediakan dengan gambar adan kesukaran murid-murid untuk membina karangan secara berstruktur yang mempunyai pendahuluan, isi dan penutup sedikit sebanyak telah dapat diatasi dengan menggunakan peta cerita. Berikut dinyatakan perbandingan beberapa kriteria yang telah dianalisis secara terperinci.


Jadual 2

*Perbandingan hasil penulisan karangan murid kemahiran rendah, sederhana dan tinggi dalam praujian dan pascaujian*

Lembaran kerja karangan praujian dan pascaujian bagi murid yang berkemahiran rendah	
<p>M1 gagal menulis karangan pada peringkat praujian</p> 	<p>Karangan pascaujian M1 pada tahap baik</p>

Nota umum:


- sukar difahami & kurang memuaskan
- tidak memiliki isi yang cukup
- idea tidak ditulis dengan jelas
- tidak berstruktur
- banyak kesalahan bahasa



Nota umum:

- mempunyai isi cerita yang lebih baik
- setiap gambar bersiri dihuraikan dengan baik
- masih terdapat banyak kesalahan bahasa


M2 gagal menulis karangan pada peringkat praujian



Nota umum:

- idea dinyatakan dengan ringkas berdasarkan perkataan yang disediakan pada gambar.
- ayat ringkas dan kurang jelas

Karangan pascaujian M2 meningkat daripada karangan praujian




Nota umum:

- idea dinyatakan dengan baik berdasarkan setiap gambar bersiri.
- jalan cerita juga lebih jelas
- kosa kata semakin bertambah
- terdapat banyak kesalahan bahasa
- perenggan tidak tersusun dengan baik




**Lembaran kerja karangan praujian dan pascaujian bagi murid yang berkemahiran sederhana**

Hasil penulisan karangan M7 pada peringkat praujian



Nota umum:

Karangan pascaujian M7 meningkat daripada karangan praujian

<ul style="list-style-type: none"> <li>ditulis dengan baik.</li> <li>kurang menarik</li> <li>jumlah perkataan terlalu sedikit.</li> <li>idea dinyatakan berdasarkan perkataan yang disediakan pada gambar.</li> </ul>	 <p>Nota umum:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>idea dinyatakan lebih baik.</li> <li>penghuraian kurang menarik</li> <li>tetapi lebih tersusun dari sebelumnya</li> <li>mempunyai perenggan</li> </ul>
<p>Hasil penulisan karangan M10 pada peringkat praujian</p>  <p>Nota umum:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>idea yang jelas namun kurang menarik dalam mengembangkan idea secara kreatif.</li> <li>idea dinyatakan berdasarkan perkataan yang disediakan pada gambar.</li> <li>Hanya ada satu perenggan.</li> </ul>	<p>Karangan pascaujian M10 meningkat daripada karangan praujian</p>  <p>Nota umum:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>penulisan semakin meningkat.</li> <li>Binaan ayat bertambah</li> <li>setiap ayat jelas dan mudah difahami dan menarik</li> <li>Isi cerita dikembangkan berserta dengan contoh</li> <li>Mempunyai perenggan akhir dengan menyatakan pengajaran yang dapat diambil dari cerita tersebut.</li> </ul>
<p><b>Lembaran kerja karangan praujian dan pascaujian bagi murid yang berkemahiran tinggi</b></p>	
<p>Hasil penulisan karangan M12 pada peringkat praujian</p>	<p>Karangan pascaujian M12 meningkat daripada karangan praujian</p>

Tajuk: Bermain basikal  
 Safwan dan Akil sedang bermain basikal di taman. Mereka berlumba dan mengayuh terlalu laju. Safwan terlanggar seorang perempuan dan perempuan itu sangat marah. Akil tolong mengutip barang-barang yang jatuh dan Safwan meminta maaf kepada perempuan itu.

Nota umum:

- dimulakan dengan pengenalan yang baik sesuai dengan tajuk.
- Isi cerita bertepatan dengan gambar.
- idea dinyatakan berdasarkan perkataan yang disediakan pada gambar.
- karangan kurang menarik
- satu perenggan sahaja.

Tajuk: Bermain basikal  
 Pada suatu petang, Izzat dan Syafiq sedang bermain basikal di taman permainan.  
 Izzat dan Syafiq hendak berlumba dan mereka mengayuh terlalu laju.  
 Semasa mereka berlumba, Syafiq terlanggar seorang Mak Cik dengan ketetapan dan barang Mak Cik itu terjatuh. Syafiq sedang memujuk karang Mak Cik yang terjatuh dan Izzat menolongnya.  
 Mak Cik itu memarahi mereka dan memarahi mereka untuk tidak mengayuh terlalu laju. Mereka berasa sangat takut. Pengajaran yang boleh diambil dari cerita ini ialah jangan mengayuh basikal terlalu laju.

Nota umum:

- penulisan meningkat pada tahap cemerlang daripada praujian.
- Pengolahan idea yang disampaikan sangat menarik
- menunjukkan kesinambungan setiap ayat dengan ayat dan perenggan dengan perenggan.
- Contoh yang diberikan juga sangat sesuai dan relevan bertepatan dengan jalan cerita.

Hasil penulisan karangan M13 pada peringkat praujian

Tajuk: Berhati-hati bermain basikal  
 Amin dan Zamri sedang bermain basikal mereka mengayuh basikal dengan laju dan mereka lupa. Semasa mereka dalam perjalanan mereka terlanggar seorang makcik dan ketika itu makcik itu sangat marah.  
 Amin dan Zamri meminta maaf kepada mak cik itu.

Nota umum:

- isi cerita bertepatan dengan gambar.
- idea dinyatakan berdasarkan perkataan yang disediakan pada gambar.
- cuba menulis secara berperenggan tetapi belum mencukupi kriteria sebuah karangan
- jumlah patah perkataan sangat sedikit.

Karangan pascaujian M13 meningkat daripada karangan praujian

Tajuk: Nazif dan Agil bermain basikal  
 Pada suatu hari, Nazif dan Agil mereka bermain di taman permainan. Mereka bermain pada waktu petang. Nazif dan Agil berseorang-orang berlumba dan mengayuh laju. Mereka terlanggar seorang makcik yang sedang berjalan mengelilingi taman permainan tersebut. Kemudian barang-barang yang di bawa oleh mak cik itu terjatuh ke tanah.  
 Nazif merasa ketakutan dan menyesal. Kemudian Nazif bersembunyi di belakang. Kemudian Nazif menuju ke arah makcik tersebut. Semasa Nazif meminta maaf kepada makcik tersebut Agil mengutip barang-barang tersebut yang terjatuh. Mereka meminta maaf kepada mak cik tersebut. Pengajaran yang di peroleh di dalam cerita ini ialah jangan mengayuh basikal dengan laju.

Nota umum:

- ayat ditulis dengan sangat baik dan menarik
- isi-isi yang relevan dengan tajuk karangan bergambar
- Struktur karangan sangat baik terdapat pendahuluan, isi dan penutup yang sangat jelas.

Jadual 3

Perbandingan beberapa kriteria hasil karangan murid dalam praujian dan pascaujian

Kriteria	Murid												
	M1		M2		M7		M10		M12		M13		
	Pra	Pasca	Pra	Pasca	Pra	Pasca	Pra	Pasca	Pra	Pasca	Pra	Pasca	
Mempunyai ciri-ciri perenggan pendahuluan, isi & penutup	-	✓	-	✓	-	✓	-	✓	-	✓	✓	✓	
Menyatakan watak, tempat & masa	✓ 1 ayat	✓ 2 ayat	✓ 1 ayat	✓ 1 ayat	✓ 1 ayat	✓ 2 ayat	✓ 2 ayat	✓ 4 ayat	✓ 1 ayat	✓ 1 ayat	✓ 1 ayat	✓ 3 ayat	
Menyatakan perkara yang dilakukan/terjadi oleh watak / Perasaan watak	✓ 3 ayat	✓ 5 ayat	✓ 2 ayat	✓ 4 ayat	✓ 1 ayat	✓ 2 ayat	✓ 1 ayat	✓ 4 ayat	✓ 2 ayat	✓ 5 ayat	✓ 2 ayat	✓ 4 ayat	
Menyatakan keputusan /pengajaran	✓ 1 ayat	✓ 2 ayat	✓ 1 ayat	✓ 1 ayat	✓ 1 ayat	✓ 2 ayat	✓ 1 ayat	✓ 1 ayat	✓ 1 ayat	✓ 1 ayat	✓ 1 ayat	✓ 2 ayat	
Ayat sangat jelas, tepat & mudah difahami berdasarkan gambar	-	✓	-	✓	-	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	
Tatabahasa sangat baik	-	-	✓	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
Ejaan sangat baik	-	-	✓	-	-	-	-	✓	✓	✓	✓	-	
Jumlah keseluruhan	Ayat	5	9	4	6	3	6	4	9	4	7	4	9
	Perenggan	1	4	1	3	1	3	1	4	1	4	2	3
	Patah perkataan	42	88	15	50	34	70	36	72	36	75	37	105
	Markah	5	15	6	14	10	16	10	17	12	19	13	19

Berdasarkan jadual 3 di atas menunjukkan murid-murid mampu menulis secara berperenggan setelah murid-murid didedahkan dengan teknik peta cerita. Walau bagaimanapun, perenggan pendahuluan, isi dan penutup yang dihasilkan oleh murid-murid belum mantap atau menepati kehendak sebenar perenggan pendahuluan, isi dan penutup. Akan tetapi ciri-ciri pemerenggan dapat dilakukan oleh murid. Hal ini sama dengan kajian Sidekli (2013) yang mendapati dengan penggunaan peta cerita, peserta kajiannya juga mampu menulis perenggan pendahuluan, isi dan kesimpulan.

Selain itu, pengkaji juga mendapati murid-murid mampu menyatakan watak dan tempat, menyatakan perkara yang dilakukan oleh watak, menyatakan perasaan watak, keputusan atau pengajaran berdasarkan karangan gambar bersiri yang diberikan sama ada sewaktu praujian dan pascaujian. Walau bagaimanapun, ayat-ayat yang dibina dalam praujian hanya antara 3 hingga 5 ayat sahaja. Ini bersamaan dengan jumlah gambar bersiri yang disediakan iaitu 4 buah gambar.

Setelah murid-murid didedahkan dengan teknik peta cerita, hasil karangan pascaujian menunjukkan peningkatan dari segi penambahan jumlah isi dan jumlah perkataan atau ayat. Murid-murid menunjukkan pengembangan idea dalam penulisan. Hal ini sama dengan kajian Jameel (2022) yang menyatakan bahawa penggunaan teknik peta cerita dapat membantu murid menjana kosa kata. Manakala, Yuliana (2017) menyatakan dengan adanya soalan di dalam peta cerita yang telah disediakan oleh guru boleh mencetuskan daya imaginasi supaya murid dapat mengolah idea dan menghasilkan penulisan yang baik. Menurut, Zikri, Taufina dan Marlina

(2020), teknik peta cerita membantu murid menggabungkan idea-idea penting, pendapat dan fakta yang berlaku dalam cerita berdasarkan gambar yang diberikan.

Kajian Mohamed Noh & Fadilah (2020) pula menyatakan walaupun menggunakan bahan rangsangan seperti gambar, masih ada murid-murid menghadapi kesukaran dalam menjana idea dan meluaskan isi karangan bergambar. Namun demikian, setelah didedahkan dengan teknik peta cerita ini murid-murid dapat menentukan setiap idea dan menyusun ayat dengan lebih mudah serta berjaya menulis karangan bergambar dengan format karangan secara berperenggan dengan betul. Hasil kajian ini juga selaras dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Tabatabaei dan Radi (2013), Zikri, Taufina dan Marlina (2020), dan Jameel (2022).

Masalah kurangnya ayat sebenarnya berpunca dari ketidakfahaman murid mengenai tajuk atau gambar karangan (Mohd Khir & Marzukhi, 2009; Yusfaiza & Ishah, 2012). Dengan teknik peta cerita, murid-murid disediakan soalan-soalan yang membantu mereka mengembangkan idea karangan. Oleh itu, dengan bantuan tersebut memberikan kefahaman murid-murid mengenai tajuk dan gambar yang diberikan untuk menghasilkan sebuah karangan. Malah dengan bantuan teknik peta cerita ini, ayat-ayat yang dihasilkan murid jelas menunjukkan sebuah karangan genre naratif.

Walau bagaimanapun, jadual 3 di atas juga menunjukkan, murid-murid dalam kajian ini masih menghadapi masalah membina ayat dengan tatabahasa, tanda baca dan ejaan yang betul. Untuk mendapatkan karangan yang baik, murid-murid seharusnya dapat membina ayat gramatis tanpa menghadapi masalah berkenaan dengan tanda baca dan ejaan yang betul. Ini menunjukkan teknik peta cerita ini tidak membantu murid dalam membina ayat gramatis dan ejaan. Oleh itu, teknik peta cerita hanya mampu membantu murid memahami tajuk atau gambar, meningkatkan pencapaian dari segi pengembangan idea atau isi karangan, dan murid-murid mengetahui penggunaan perenggan pendahuluan, isi dan penutup.

Menurut Anissa, Lenny, Dian, Kasinyo, Akhmad dan Amirul (2019), bagi membantu murid-murid mengatasi masalah membina ayat gramatis dengan tanda baca dan ejaan yang betul ialah dengan mengamalkan 'pendekatan proses' yang akan membiasakan murid dengan peringkat merancang isi karangan, peringkat menulis draf, peringkat menyemak semula draf dan peringkat menyunting draf sebelum menghantar karangan mereka kepada guru. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, pengkaji mengakui hanya memberikan peta cerita bertujuan untuk merancang isi karangan dan menghuraikan setiap isi tersebut dan seterusnya mereka menulis sebuah karangan. Murid dalam kajian ini tidak diberikan kesempatan untuk menyemak semula draf dan menyunting draf mereka. Dengan itu, mereka tidak menerima maklum balas dari guru atau rakan-rakan bagi mengatasi masalah membina ayat secara gramatis dengan tanda baca dan ejaan yang betul. Malah menurut Graham dan Alves (2021), murid bukan hanya perlu diajarkan teknik yang membantu mereka merancang dan menghuraikan isi karangan tetapi juga murid-murid perlu diberikan pengetahuan, kemahiran dan strategi untuk mengatasi masalah-masalah yang menghalang murid menghasilkan sebuah karangan yang baik termasuklah masalah membina ayat dan masalah ejaan. Selain itu, mereka juga berpendapat menulis secara kerap atau latih tubi dan sokongan dari guru dan rakan-rakan akan dapat menambahbaik karangan murid.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian ini menunjukkan terdapat peningkatan yang sangat ketara apabila murid didedahkan dengan penggunaan teknik peta cerita dalam penulisan karangan bergambar. Ini menunjukkan adanya peningkatan pencapaian markah murid-murid Tahun 3 dalam penulisan karangan bergambar menggunakan teknik peta cerita. Sama seperti



kajian daripada Tabatabaei dan Radi (2013) serta kajian Yuliana (2017), di mana mereka mendapati bahawa teknik peta cerita ini mampu meningkatkan pencapaian penulisan karangan murid.

## **Kesimpulan**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pencapaian murid Tahun 3 terhadap penggunaan teknik peta cerita dalam penulisan karangan bergambar. Kajian ini juga adalah berdasarkan teori konstruktivisme dan menggunakan reka bentuk kajian tindakan. Data daripada markah praujian dan pascaujian dikumpul dan dianalisis secara deskriptif. Selain itu, isi kandungan karangan murid dianalisis untuk meneliti sejauhmana peta cerita membantu penulisan karangan murid.

Hasil dapatan kajian yang telah diperolehi daripada kajian ini juga menunjukkan bahawa teknik peta cerita dapat meningkatkan prestasi murid Tahun 3 dalam penulisan karangan bergambar di salah sebuah sekolah di Daerah Brunei dan Muara. Pencapaian markah murid dalam pascaujian menunjukkan peningkatan setelah menggunakan teknik peta cerita dari 53.8% murid lulus dalam praujian kepada 100% murid lulus dalam pascaujian. Oleh itu, dapatan kajian ini mencadangkan bahawa teknik peta cerita bukan sahaja dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca tetapi juga dalam kemahiran menulis karangan. Kajian ini juga menunjukkan peningkatan markah bukan sahaja daripada kalangan murid-murid bertahap tinggi dan sederhana tetapi juga murid-murid bertahap rendah. Maka teknik peta cerita boleh membantu dan sesuai digunakan oleh murid-murid yang mempunyai pelbagai tahap atau kemampuan. Selain itu, kajian ini telah memberikan pemahaman bahawa teknik ini mampu membantu murid menjana idea dalam penulisan karangan bergambar. Malah, murid-murid memahami jalan cerita dan mampu menulis secara berperenggan.

Kajian ini menunjukkan hasil dapatan kajian selari dengan prinsip teori konstruktivisme. Dalam kajian ini teori konstruktivisme menekankan bahawa murid membina pengetahuan mereka sendiri secara aktif dan bukan menerima maklumat secara pasif. Dapatan kajian menyokong idea ini dengan menunjukkan peta cerita yang menggalakkan murid-murid terlibat secara aktif dalam proses menulis dengan menyusum dan mengembangkan idea berdasarkan genre naratif yang diperkenalkan dalam teknik peta cerita. Selain itu, teori ini menekankan kepentingan peningkatan pengetahuan bermula dengan sokongan dan bimbingan guru dan teknik peta cerita yang berfungsi sebagai alat visual membantu murid untuk mengembangkan idea penulisan mereka. Oleh itu peningkatan pengetahuan ini selari dengan konsep zon ZPD Vygotsky di mana murid-murid boleh menyelesaikan tugas dengan bimbingan dan seterusnya menulis karangan tanpa bantuan dalam pascaujian. Malah teori ini menekankan interaksi sosial dan penggunaan pengetahuan serta pengalaman sedia ada dalam membentuk pemahaman baharu. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, peta cerita menggalakkan suasana kolaboratif dan murid-murid menggunakan pengetahuan dan pengalaman sedia ada semasa proses menulis karangan. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini menyumbang kepada pemahaman tentang bagaimana peta cerita boleh meningkatkan penulisan karangan bergambar dan menyokong pendekatan pembelajaran konstruktivisme.

Walau bagaimanapun, murid-murid dalam kajian ini masih memerlukan latihan berterusan agar mereka dapat memberikan isi kandungan yang sesuai dinyatakan bagi perenggan pendahuluan, isi dan penutup. Selain itu, teknik ini tidak sesuai digunakan untuk membantu murid mengatasi masalah membina ayat yang gramatis atau mengatasi masalah ejaan. Murid-murid Tahun 3 dalam kajian ini masih memerlukan latihan berterusan dalam membina ayat dan ejaan

dengan betul. Oleh itu, dicadangkan teknik Peta Cerita diintegrasikan dengan pendekatan lain untuk memperbaiki tatabahasa dan ejaan murid. Selain itu, kajian ini terbatas kepada kajian tindakan ke atas sebuah kelas yang hanya melibatkan 13 orang murid sahaja, pengkaji perlu berhati-hati dalam menyatakan penemuan dalam kajian ini kerana hasil dapatan kajian ini tidak boleh dijadikan sandaran bagi mewakili murid-murid Tahun 3 di Negara Brunei Darussalam atau tidak boleh menghasilkan generalisasi terhadap pencapaian penulisan karangan dengan penggunaan peta cerita bagi keseluruhan murid di Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, kajian ini memberikan panduan berharga bahawa teknik peta cerita boleh digunakan oleh guru-guru untuk mengatasi masalah membina, menghuraikan dan mengembangkan ayat bagi murid-murid pelbagai tahap atau yang mempunyai masalah kurang mahir memilih kosa kata atau mempunyai kosa kata terhad. Jika kajian lanjut dapat dilaksanakan, pemahaman mengenai penulisan karangan dengan menggunakan teknik peta cerita akan lebih bermanfaat jika melibatkan lebih ramai peserta kajian dengan jangka masa kajian yang lebih lama agar dapat pengkaji menilai kesan penulisan karangan murid menggunakan teknik peta cerita dalam jangka panjang. Selain itu, kajian yang meneroka pendapat murid-murid, guru-guru dan ibu bapa juga akan boleh memberikan manfaat dan pemahaman yang mendalam mengenai penulisan karangan menggunakan teknik peta cerita.

## **Rujukan**

- Anissa A., Lenny M., Dian E., Kasinyo H., Akhmad H. & Amirul M. (2019). Teaching Writing to EFL Student Teachers: Teachers' Intervention and No Teachers' Intervention through Peer Feedback Writing Techniques. *Universal Journal of Educational Research*, 7(9): 1901-1908, 2019.
- Graham, S., Alves, R.A. Research and teaching writing. *Reading and Writing: An Interdisciplinary Journal*, 34, 1613–1621 (2021). <https://doi.org/10.1007/s11145-021-10188-9>
- Ibnian, S. S. K. (2010). The Effect of Using the Story-Mapping Technique on Developing Tenth Grade Students' Short Story Writing Skills in EFL. *English Language Teaching*, 3(4), 181-194.
- Jabatan Perkembangan Kurikulum. (2009). *Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21: SPN21 Brunei Darussalam*. Kementerian Pendidikan: Brunei.
- Jameel, A. S. (2022). The Effects of Story Mapping and Hortatory Exposition Techniques on Students' Compositions. *Education Research International*, 2022 (1), 1-11.
- Korkmaz, H. 2011. The Contribution of Science Stories Accompanied by Story Mapping to Students' Images of Biological Science and Scientists. *Electronic Journal of Science Education*, 15 (1): 1–41.
- Melissa Susiawati & Elih Yanto (2022). Implementing Story Mapping In Facilitating Secondary School Students In Reading Narrative Text: An Action Research. *Jurnal Ilmiah Wahana Pendidikan*, 8(18), 577-589.
- Mohamed Noh Daipi & Fadilah Isnin, Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Karangan Berdasarkan Gambar Bersiri dalam Kurikulum Pendidikan Sekolah Rendah di Singapura. *MJSSH Online*, 4 (2), 33-55.
- Mohd Khir & Marzukhi (2009). *Panduan KBSM. Karangan gred A SPM*. Shah Alam: Cerdik Publications

- Peng, C. F., & Jinah, N. A. A. (2020). Sikap, Motivasi Dan Pelaksanaan Strategi Think Paire-Share Dalam Pengajaran Kemahiran Menulis Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1), 37-47.
- Rahman, A. N. I., & Ekkayokkaya, M. (2024). The use of contextual teaching and learning approach on students' analytical exposition writing skills. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 13(3), 455-467. <https://doi.org/10.17509/ijal.v13i3.66955>
- Sabri Sidekli (2013). Story Map: How ro improve writing skills. *Educational Research and Review*, 8 (7), 289-296.
- Salbrina Sharbawi & Noor Hasharina Hassan (2021) The Malays of Brunei: an investigation of their family language policies, *Journal of Multilingual and Multicultural Development*. 45 (4), 884-905.
- Sri Kartika A. R. et al. (2014). Kesan Bahan Visual Dalam Penulisan Karangan Bahasa Melayu. *PROCEDIA: Social and Behavioral Sciences*, 134, 454-462.
- Tabatabaei, O., & Radi, N. (2013). The effect of story mapping on writing performance of Iranian EFL learners. *International Journal of Foreign Language Teaching and Research*, 1(1), 57-70.
- Voluntary National Review: Brunei Darussalam (2023). Jabatan Perdana Menteri, Brunei. [Online] Available at: [https://www.sdgbrunei.gov.bn/media/gwldm5uv/vnr-2023-brunei-report\\_0.pdf](https://www.sdgbrunei.gov.bn/media/gwldm5uv/vnr-2023-brunei-report_0.pdf) [accessed June 25, 2024]
- Vygotsky, L. (1978). *Mind in society: The Development of Higher Psychological Processes*. Cambridge: Harvard University Press.
- Yuliana, Y. (2017). Story mapping in teaching writing narrative text. *International Journal of Language Teaching and Education*, 1(1), 8-15.
- Yusfaiza, Y. & Mohd Ishah, A. (2012). Aplikasi pembelajaran jigsaw ii dalam pengajaran penulisan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 62-70.
- Zikri, I., Taufina, T., & Marlina, M. (2020). Efektifitas Graphic Organizer Story Map terhadap Kemampuan Menulis Narasi Siswa di Sekolah Dasar. *Jurnal Basicedu*, 4(4), 1228-1235.
- Zuraifah. (2014). Penggunaan Advanced Story Map Instruction Dalam Meningkatkan Pencapaian Kefahaman Pelajar. Universiti Brunei Darussalam.